



Pesakit langsung tidak menyedari bahawa buah pinggang mereka tidak berfungsi dengan sempurna”

Dr Rohaya Ramli,
Doktor Perubatan
Keluarga, Klinik Bakti

BH
15/4/17
ms 77

Sayangi buah pinggang

→ Tekanan darah tinggi tingkat risiko jejas fungsi organ

gang berfungsi sebagai menapis sisa dan lebihan cecair daripada darah, kemudian dikeluarkan menerusi air kencing.

Doktor Perubatan Keluarga, Klinik Bakti, Dr Rohaya Ramli, berkata pada tahap awal penyakit buah pinggang kronik, pesakit mengalami beberapa tanda begitu ketara.

Pesakit tidak sedar diserang
Pada peringkat awal beliau berkata, pesakit langsung tidak menyedari bahawa buah pinggang mereka tidak berfungsi dengan sempurna.

Katanya, pesakit hanya menyedarinya sehinggalah buah pinggang mereka gagal berfungsi dengan ketara.

“Bagaimanapun, sekiranya dikesan awal, keadaan ini boleh dirawat bagi memperlambatkan kerosakan organ berkenaan,” katanya.

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Penyakit kronik buah pinggang juga sering dikaitkan dengan kegagalan buah pinggang berfungsi dengan sempurna.

Keadaan itu menerangkan mengenai organ berkenaan mengalami kehilangan fungsinya dan keadaannya berlaku secara perlahan-lahan.

Umum mengetahui buah ping-

Info

- Gejala yang mungkin dialami pesakit**
- **Loya** dan muntah.
 - **Hilang selera** makan dan berat badan merosot.
 - **Keletihan** dan lemah.
 - **Perubahan dalam jumlah** pembuangan air kecil.
 - **Penyusutan** ketajaman mental.
 - **Sakit otot** dan kekejangan.
 - **Kaki** dan buku lali bengkak.
 - **Gatal** berterusan.
 - **Sakit dada**, sekiranya cecair berkumpul di lapisan jantung.
 - **Sukar bernafas**, sekiranya cecair berkumpul di paru-paru.
 - **Tekanan darah tinggi** (hipertensi) yang sukar dikawal.

- Punca yang menyebabkan kegagalan buah pinggang:**
- **Diabetes**
 - **Tekanan** darah tinggi.
 - **Glomerulonephritis**-radang unit penapis buah pinggang.
 - **Penyakit polisistik buah pinggang** penyakit yang diwarisi.
 - **Refluk Vesicoureteral**, keadaan yang menyebabkan air kencing terkumpul di buah pinggang.
 - **Jangkitan buah pinggang berulang**, juga dikenali pyelonephritis.

